

### 9.3.1 Aplikasi dan Sistem Bahasa | Kata kerja aktif tak transitif & transitif

Seorang peladang yang mengusahakan ladang kelapa bermastautin di sebuah kampung. Peladang ini tinggal bersama-sama isteri dan empat orang anaknya. Tiga orang anak lelakinya berkelulusan SPM tetapi tidak bekerja manakala anak perempuannya masih lagi bersekolah di tingkatan empat.

- (i) Senaraikan **satu kata kerja aktif tak transitif**, kemudian **bina ayat sendiri** dengan kata itu.

**Kata kerja aktif tak transitif:** \_\_\_\_\_

**Ayat aktif tak transitif:** \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

- (ii) Senaraikan **satu kata kerja aktif transitif**, kemudian **bina ayat sendiri** dengan kata itu.

**Kata kerja aktif transitif:** \_\_\_\_\_

**Ayat aktif transitif:** \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

### 9.3.2 Aplikasi dan Sistem Bahasa | kata adektif & kata adverb

Anak-anaknya yang tidak bersekolah itu culas. Sudahlah mereka tidak bekerja dan tidak pun berusaha untuk mencari pekerjaan, mereka juga tidak mahu membantu ayah mereka di ladang. Mereka lebih suka bersantai di rumah atau melepak di kedai kopi bersama kawan-kawan mereka. Anak perempuannya pula sangat malas membantu ibunya di rumah pada hujung minggu atau ketika dia tidak mempunyai aktiviti di sekolah. Keempat-empat orang anak peladang ini juga cenderung bertelagah dan sering berdegi sesama mereka. Teguran dan nasihat juga tidak diendahkan mereka.

- (i) Senaraikan **satu kata adektif**, kemudian **bina ayat sendiri** dengan kata itu.

**Kata adjektif:** \_\_\_\_\_

**Ayat:** \_\_\_\_\_

- (ii) Senaraikan **satu kata adverb**, kemudian **bina ayat sendiri** dengan kata itu.

**Kata adjektif:** \_\_\_\_\_

**Ayat:** \_\_\_\_\_

### 9.3.3 Aplikasi dan Sistem Bahasa | kata hubung gabungan & kata hubung pancangan

Peladang dan isterinya sangat kecewa serta susah hati dengan fil anak anak mereka itu. Mereka sering memikirkan masa hadapan dan nasib ladang mereka sekiranya mereka tiada lagi di dunia yang fana ini. Mereka sebenarnya menaruh harapan yang tinggi untuk mewariskan ladang itu kepada anak-anak mereka seandainya mereka berpindah ke balik papan nanti. Mereka tidak mahu ladang kelapa tidak terurus kemudian mereka mufliis dan anak-anak hidup merempat meminta ihsan orang ramai. Oleh itu, peladang merancang membuat sesuatu untuk menyedarkan dan menginsafkan anak-anaknya.

- (i) Senaraikan **satu kata hubung gabungan**, kemudian **bina ayat sendiri** dengan kata itu.

**Kata hubung gabungan:** \_\_\_\_\_

**Ayat majmuk gabungan:** \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

- (ii) Senaraikan **satu kata hubung pancangan**, kemudian **bina ayat sendiri** dengan kata itu.

**Kata kata hubung pancangan:** \_\_\_\_\_

**Ayat majmuk pancangan:** \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

### 9.3.4 Aplikasi dan Sistem Bahasa I kata nama majmuk

Pada suatu pagi hujung minggu, peladang memanggil keempat-empat orang anaknya kemudian dia membawa mereka ke ladang kelapa. Setiba di ladang kelapa, peladang menyuruh anak-anaknya mengambil daun kelapa dan menghasilkan lima puluh batang lidi setiap seorang. Setelah siap, mereka membawa lidi itu kepada peladang. Peladang menyuruh setiap mereka mematahkan sebatang lidi dan mereka mendapati lidi itu mudah dipatahkan.

- (i) Senaraikan **dua kata nama majmuk**.

- \_\_\_\_\_ - \_\_\_\_\_

- (ii) Sekarang, **bina ayat** anda sendiri dengan kata nama majmuk yang disenaraikan.

(a) \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

(b) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

### 9.3.5 Aplikasi dan Sistem Bahasa I kata bilangan & penjodoh bilangan

Kemudian peladang mengumpulkan semua batang lidi yang ada lalu diikatnya menjadi seberkas lidi kemudian menyuruh setiap anaknya mematahkan lidi itu. Mereka mendapati bahawa seberkas lidi itu sangat susah untuk dipatahkan.

(i) Senaraikan **satu kata bilangan**, kemudian **bina ayat sendiri** dengan kata yang anda pilih.

**Kata bilangan:** \_\_\_\_\_

**Ayat:** \_\_\_\_\_

(ii) Senaraikan **satu penjodoh bilangan**, kemudian **bina ayat sendiri** dengan kata yang anda pilih.

**Penjodoh bilangan:** \_\_\_\_\_

**Ayat:** \_\_\_\_\_

### 9.3.6 Aplikasi dan Sistem Bahasa I kata komplemen & kata relatif

Peladang memberikan penjelasan kepada mereka bahawa mereka umpama sebatang lidi yang boleh dipatahkan tetapi jika mereka berkumpul dan bersatu seperti seberkas lidi, mereka akan menjadi kumpulan yang kuat dan sukar untuk dimusnahkan. Demikianlah juga dengan ladang kelapanya jika mereka bersatu, sudah tentu ladang kelapa dapat dimajukan dan menghasilkan pendapatan yang tinggi.

(i) Senaraikan **satu kata komplemen**, kemudian **bina ayat sendiri** dengan kata itu.

**Kata komplemen:** \_\_\_\_\_

**Ayat majmuk pancangan komplemen:** \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

(ii) Senaraikan **satu kata relatif**, kemudian **bina ayat sendiri** dengan kata itu.

**Kata relatif:** \_\_\_\_\_

**Ayat majmuk pancangan relatif:** \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

### 9.3.7 Aplikasi dan Sistem Bahasa I Peribahasa

Sejak peristiwa itu, anak-anak peladang pun bermuafakat untuk membantu ibu dan ayah mereka. Mereka membantu mengusahakan ladang kelapa ayah mereka sehingga bertambah maju dan terkenal bukan sahaja di kampung malah di bandar juga.

Berdasarkan petikan dan ilustrasi, nyatakan **dua peribahasa** yang sesuai dengan situasi.

(i) \_\_\_\_\_

(ii) \_\_\_\_\_



### 9.3.8 Aplikasi dan Sistem Bahasa I Praktis ke Arah Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)

#### Praktis 1: Kata Kerja Aktif Tak Transitif dan Kata Kerja Aktif Transitif

**A** Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1 Apabila sudah bersiap siaga unuk peperiksaan, saya \_\_\_\_\_ di pantai bersama-sama rakan sepermainan.

**A** bertelagah

**C** bermastautin

**B** bersantai

**D** berdansa

2 Beliau akan \_\_\_\_\_ kesemua ilmu yang dibukukannya sepanjang hayat kepada rakyat.

**A** menghulurkan

**C** menganjurkan

**B** mewariskan

**D** memberikan

**B** Ayat-ayat di bawah ini mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan **A**, **B**, atau **C** dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan **D**.

1. Peladang memberi penjelasan kepada mereka bahawa mereka umpama

**A**

**B**

sebatang lidi yang boleh dipatahkan. Tiada kesalahan

**C**

**D**

2. Sejak peristiwa itu, anak-anak peladang pun muafakat untuk membantu

**A**

**B**

ibu bapa mereka. Tiada kesalahan

**C**

**D**

### 9.3.9 Aplikasi dan Sistem Bahasa I Sintaksis I Pola Ayat

Baca petikan di bawah, kemudian kenal pasti dan tulis pola ayat-ayat yang bergaris sama ada **FN + FN**, **FN + FK**, **FN + FA**, atau **FN + FS**. Anda perlu menulis jawapan mengikut contoh yang seperti di bawah.

**Pola Ayat: FN + FK**

**FN:** Kedua-dua anak Pak Usu

**FK:** mengaji di sekolah agama.

Peladang dan isterinya ibu bapa yang bertanggungjawab. Mereka sangat kecewa akan fiil anak anak mereka itu. Anak-anaknya jarang-jarang ke ladang untuk membantu bapa mereka. Mereka sering memikirkan masa hadapan dan nasib ladang mereka sekiranya mereka tiada lagi di dunia yang fana ini. Mereka sebenarnya menaruh harapan yang tinggi untuk mewariskan ladang itu kepada anak-anak mereka seandainya mereka berpindah ke balik papan nanti. Mereka tidak mahu ladang kelapa tidak terurus, kemudian mereka muflis dan anak-anak hidup merempat.

(i) **Pola Ayat:** \_\_\_\_\_

- \_\_\_\_\_

- \_\_\_\_\_

(ii) **Pola Ayat:** \_\_\_\_\_

- \_\_\_\_\_

- \_\_\_\_\_

(iii) **Pola Ayat:** \_\_\_\_\_

- \_\_\_\_\_

- \_\_\_\_\_

(iv) **Pola Ayat:** \_\_\_\_\_

- \_\_\_\_\_

- \_\_\_\_\_

**Genggam Bara Api Biarlah Sampai Jadi Arang**

## PENGAYAAN



# Punca Berlaku Kemalangan Jalan Raya

Pada masa ini, kemalangan jalan raya kerap berlaku akibat kecuaiannya pemandu. Malaysia adalah antara negara yang mencatatkan jumlah kes kemalangan yang tinggi. Secara ringkasnya, isu kemalangan yang meningkat sepanjang tahun bukan suatu perkara yang baharu. Di dada akhbar tempatan, hampir setiap hari ada sahaja berita tentang kemalangan dilaporkan berlaku di seluruh negara, Terdapat kemalangan yang meragut nyawa pemandu kenderaan itu sendiri, di samping membahayakan pengguna jalan raya yang lain.

Kebanyakan kes kemalangan yang berlaku disebabkan oleh sikap pemandu mahu cepat tiba di destinasi mereka tanpa memikirkan implikasinya. Peribahasa Melayu yang berbunyi "biar lambat asalkan selamat". Sikap terlalu mementingkan diri sendiri ini memberikan kesan langsung kepada pengguna jalan raya yang tidak bersalah jika berlaku kemalangan.

Selain itu, kemalangan juga boleh disebabkan oleh kecuaiannya pemandu. Antara kecuaiannya pemandu termasuklah memandu kereta dalam keadaan letih dan mengantuk. Untuk sampai didestinasinya yang dituju, pemandu yang lalai tidak menghiraukan keadaannya yang keletihan, sebaliknya meneruskan pemanduannya. Akibatnya, kenderaan yang dipandu dalam keadaan mengantuk boleh mencetuskan kemalangan. Pemandu begini seharusnya memberhentikan pemanduan untuk menghiangkan rasa keletihan dan kepenatan mereka.

Seterusnya, kesalahan yang lazim dilakukan oleh pengguna jalan raya ialah penggunaan telefon bimbit semasa memandu kenderaan. Hal ini merupakan kesalahan yang sepatutnya dihindari pemandu kerana menyebabkan mereka tidak dapat memberikan sepenuh tumpuan terhadap pemanduan, malah membahayakan nyawa sendiri dan pengguna jalan raya.

Secara tuntasnya, dapat dikatakan bahawa kecuaiannya pemandu ialah punca utama berlakunya kemalangan. Oleh itu, pihak polis dan pihak berkuasa harus menggembleng tenaga untuk berusaha mengurangkan kadar kemalangan jalan raya. Lebih penting lagi, pengguna jalan raya yang cuai haruslah mengubah sikap mereka agar menjadi pemandu yang berhemah bagi mengelakkan berlakunya kemalangan.

**Berusaha ■ Berdoa ■ Bertawakal.**